

---

## **SIARAN BERITA**

# **MyCC MENGULANGI AMARAN TERHADAP PENETAPAN HARGA**

**KUALA LUMPUR, 13<sup>hb</sup> Oktober 2014** – Ekoran daripada keputusan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) baru-baru ini untuk menyahkawal tambang bas sekolah, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), memberi amaran kepada operator bas supaya menentukan harga tambang bas secara bebas dan tidak menetapkan struktur-struktur tambang bas bersama kerana perlakuan penetapan harga adalah bertentangan dengan Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Amaran dari beliau adalah berikutan daripada pengumuman Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia, Md Saad Mohamad, mengenai struktur baru tambang persekutuan tersebut, perlakuan yang mungkin merupakan pelanggaran Akta Persaingan 2010 ('Akta').

Seksyen 4 daripada Akta melarang perusahaan, termasuk persatuan, dari menetapkan, secara langsung atau tidak langsung suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain bagi pembelian barangan dan perkhidmatan.

"Kenaikan harga bukanlah satu amalan antipersaingan, namun jika kenaikan harga tersebut merupakan hasil daripada pakatan melalui perjanjian-perjanjian penetapan harga oleh mana-mana persatuan atau mana-mana kumpulan penjual, pembekal atau pengeluar, kegiatan seperti kartel ini ialah satu pelanggaran yang serius dibawah Akta," kata Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob.

Berikutan dengan penyahkawalan struktur tambang bas sekolah, pengendali-pengendali bas sekolah tidak akan terikat kepada satu struktur tambang tetap lagi tetapi bebas menentukan anggaran tambang masing-masing berdasarkan kos operasi mereka sendiri.

Jika sesebuah perusahaan didapati bersalah atas pelanggaran Akta, MyCC boleh mengenakan penalti sehingga 10% pendapatan sedunia perusahaan tersebut sepanjang tempoh pelanggaran Akta ataupun mengenakan mana-mana arahan lain dianggap sesuai untuk memastikan Akta Persaingan 2010 dipatuhi oleh persatuan dan perusahaan

---

perniagaan pada masa akan datang.

Baru-baru ini kes penetapan harga yang disiasat oleh MyCC ialah Persatuan Bakeri dan Manisan Sibû (*"Sibû Confectionery and Bakers Association"*) yang menaikkan harga manisan dan produk-produk bakeri secara kolektif. Pada 30hb September, MyCC mengeluarkan cadangan penalti bernilai RM439,000.00 kepada 24 anggota persatuan tersebut yang didapati mengambil bahagian dalam perjanjian penetapan harga.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan kelakuan oleh persatuan dan perusahaan perniagaan yang sedang atau telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penetapan harga perlu menghubungi MyCC di +603-2273 2277 atau melalui e-mel di [complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my).

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).